


Sinar Harian  
17/3/2020 MS 29

## Tiga tan ikan kembung habis dalam setengah jam



Penduduk setempat tidak melepaskan peluang mendapatkan ikan kembung percuma di Baling semalam.

**BALING** - Sebanyak tiga tan ikan kembung habis diagihkan secara percuma dalam tempoh hanya kira-kira setengah jam membabitkan 3,000 penerima di 16 buah lokasi sekitar Baling semalam.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Baling, Datuk Ishak Mat berkata, pengagihan dilakukan merangkumi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Baling iaitu DUN Kuala Ketil, Bayu dan Kupang bermula sekitar 10 pagi.

“Melalui pengagihan ini, ia secara tidak langsung dapat membantu nelayan dengan isu

lambakan ikan sekali gus meringankan beban rakyat yang diagihkan secara percuma,” katanya.

Sementara itu, Rosmariza Ibrahim, 37, dari Kampung Telok Sira berkata, pemberian ikan percuma di daerah itu adalah kali pertama dibuat.

“Bila dapat ikan percuma memang kami nak sangat sebab kalau beli di kedai atau pasar malam, kira-kira sekilo RM4 hingga RM5, kalau setalam



ISHAK

dijual RM8 ikan campur kembung dan cencaru,” katanya.

Selain itu, Rodiah Ibrahim, 36, berkata, ikan di tempatnya dijual dengan harga RM1 seekor disebabkan jarak agak jauh dari kawasan bandar.

“Eloklah kalau buat selalu begini sebab dapat bantu orang kampung. Musim cuti sekolah macam ini, anak-anak ramai ada di rumah, jadi dengan ikan percuma ini dapat ringankan belanja,” katanya.